

21/10/1997

Rakyat perlu hayati intipati Wawasan 2020

KOTA KINABALU, Isnin - Semua pihak perlu menghayati intipati Wawasan 2020 kerana ia mekanisme perjuangan besar yang memerlukan kerjasama rakyat untuk merealisasikannya.

Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri, Datuk Sapawi Ahmad, berkata idea yang diasaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu perlu diterjemahkan oleh semua rakyat kerana ia wawasan untuk rakyat dan negara.

"Semua orang tahu apa yang dimaksudkan dengan Wawasan 2020, iaitu matlamat dan hasrat menjadikan negara ini yang termaju dan membangun," katanya ketika menyampaikan ceramah kepada peserta kursus Bina Barisan di Sekolah Bina Semangat di Kinarut, dekat sini.

Kursus berkenaan dianjurkan bagi memberi kesedaran khususnya di kalangan ahli politik serta bertujuan menyatupadukan perjuangan ahli dengan cara bekerjasama memastikan Wawasan 2020 dapat dicapai.

Sapawi berkata, dalam usaha mencapai matlamat berkenaan, negara tidak mengambil negara lain sebagai contoh, sebaliknya pemimpin menggunakan cara sendiri yang dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan kesedaran.

"Ahli politik di negeri ini seharusnya menyedari arus perjuangan politik pada masa ini yang jauh berbeza dengan arus politik dahulu. Oleh itu, kita harus melihat wawasan ini sebagai cita-cita yang amat bermakna," katanya.

Sehubungan itu, katanya, konsep perkongsian kuasa BN negeri ini dapat dilakukan dengan berkesan dengan syarat kita mengetahui dan memahami konsep itu dengan jelas.

Sapawi berkata, kefahaman dan kesedaran terhadap konsep berkenaan akan membolehkan BN menstabilkan keadaan politik di negeri ini.

(END)